



## Galeri Islam Nusantara UiTM Cawangan Sarawak : Keberkesanan dalam memelihara ilmu serta sejarah di Wilayah Nusantara

DAYANG AZIMAH BINTI ABANG YUSOF<sup>1, a</sup> and DAYANG AZIRAH BINTI ABANG YUSOF<sup>2, b</sup>

<sup>1</sup> Universiti Teknologi MARA, Sarawak Branch, Malaysia

<sup>2</sup> Universiti Teknologi MARA, Sarawak Branch, Malaysia

<sup>a</sup>[dayangazimah@uitm.edu.my](mailto:dayangazimah@uitm.edu.my) & <sup>b</sup>[2023168421@student.uitm.edu.my](mailto:2023168421@student.uitm.edu.my)

### Abstrak

Galeri Islam Nusantara UiTM Cawangan Sarawak merupakan salah satu kebanggaan bagi warga UiTM Cawangan Sarawak khususnya kerana hasil usaha daripada para penyelidik Wali Songo ini, berpotensi menjadikan galeri ini sebagai pusat rujukan utama mengenai perkembangan Islam di Borneo. Oleh itu, dengan adanya penampilan koleksi-koleksi pameran dalam bentuk artifak, model, replika, peta serta manuskrip ini dapat memberi pendedahan dalam meluaskan ilmu serta sejarah di kalangan masyarakat am nya. Kajian berbentuk deskriptif ini bertujuan mengenal pasti keberkesanan Galeri Islam Nusantara UiTM Cawangan Sarawak dalam memelihara ilmu serta sejarah di Wilayah Nusantara. Kajian ini dijalankan dengan menggunakan borang soal selidik (*Google Form*) sebagai instrument kepada 62 orang responden yang telah berkunjung ke galeri ini. Secara keseluruhan, kod QR telah digunakan sebagai platform inisiatif untuk menjalankan dan memantau tinjauan dengan cekap. Analisis data dikumpul menggunakan *Google Sheet* dan kajian mendapati bahawa majoriti responden (82%) memilih penskalaan 'Amat baik' dan menyatakan bahan-bahan yang dipamerkan mengandungi maklumat yang memberi impak dan ilmu yang bermanfaat kepada masyarakat. Hasil dapatan juga menjumpai majoriti responden (75%) meletakkan skala 'Amat baik' iaitu bahan fizikal yang tersedia seperti koleksi-koleksi Al-Quran dan kitab membantu dalam memelihara dan memberikan pendedahan yang lebih meluas kepada masyarakat. Salasilah Sarawak merupakan pilihan utama dalam bahagian yang dapat memberi kesan kepada responden iaitu sebanyak 32% dan diikuti dengan Kerajaan Kesultanan Islam di Sarawak (20%). Selain itu, 79% menyatakan galeri ini menarik minat mereka dengan lebih mendalam terhadap ilmu dan sejarah di Wilayah Nusantara dan 88% menyatakan akan mengesyorkan mengenai galeri ini kepada orang terdekat. Justeru, galeri ini membuktikan bahawa ianya memberi kesan yang positif dalam usaha untuk memelihara ilmu serta sejarah yang terdapat di Wilayah Nusantara.

**Kata Kunci:** Galeri, Ilmu, Sejarah, Wilayah Nusantara

### 1. Pengenalan

Penubuhan Galeri Islam Nusantara merupakan buah fikiran daripada Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak Tun Pehin Sri Haji Abdul Taib Mahmud yang bertujuan menjadi pusat rujukan utama untuk mengetahui dengan lebih mendalam mengenai sejarah perkembangan Islam di Borneo. UiTM Cawangan Sarawak telah berjaya menghasilkan kajian Wali Songo untuk menyingkap hubungan Islam di Jawa dan Borneo Sarawak melalui pengaruh dan amalan Wali Songo. Usaha ini dicapai menerusi perolehan data dan juga maklumat daripada pakar serta warga tempatan yang berada di Jawa Timur, Jawa Tengah, dan Jawa Barat, Arsip National Republik, Perpustakaan Nasional Republik, Rabiah Alawiyah dan Universitas Islam Negeri Sharif Hidayatullah, Jakarta Indonesia serta Pusat Sejarah Negara Brunei Darussalam.

Para penyelidik Wali Songo UiTM Cawangan Sarawak yang diketuai oleh Profesor Dato Dr. Hj Jamil Hj Hamali, diikuti Profesor Dr. Firdaus Abdullah, Ustazah Hajah Sharifah Anom Omar, Dr. Hadenan Towpek, Ustaz Dr. Mohamad Syahiran Abdul Latif, Prof. Madya Dr. Abdul Razak Abdul Kadir dan Dr. Saimi Bujang merupakan individu penting yang menjalankan penyelidikan tentang Wali Songo ini bermula April 2014 sehingga sekarang. Kajian yang dijalankan telah berjaya menghasilkan empat buah buku yang pertama bertajuk Islam di Nusantara: Pemerintahan, Ekonomi, dan Pendidikan, kedua adalah *The History and Development of Wali Songo*, ketiga *Travelog Kembara Wali Songo* dan keempat adalah *Sejarah dan Perkembangan Wali Songo*.

Pemilihan nama Galeri Islam Nusantara telah dimeterai dan mendapat persetujuan TYT Tun Pehin Sri Hj Abdul Taib sendiri. Ianya ditubuhkan di Universiti Teknologi Mara (UiTM) Cawangan Sarawak yang bertempat di Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR), Kampus Samarahan 2 dan telah dirasmikan oleh Tuan Yang Terutama (TYT) Yang di-Pertua Negeri Sarawak Tun Pehin Sri Hj Abdul Taib Mahmud pada 22 Mei 2019 (Rujuk Gambar 1). Galeri ini menampilkan koleksi-koleksi pameran dalam bentuk artifak, model, replika dan peta mengenai sejarah kemasukan Islam di Borneo dan pelbagai jenis sejarah berkaitan yang bakal menarik minat individu yang berkunjung dan menjadi pusat rujukan utama mengenai perkembangan Islam di Borneo.



Gambar 1: Majlis Perasmian oleh Tuan Yang Terutama (TYT) Yang di-Pertua Negeri Sarawak Tun Pehin Sri Hj Abdul Taib Mahmud

## 2. Metodologi Kajian

Rekabentuk kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah berbentuk tinjauan deskriptif dengan bertujuan mengenal pasti keberkesanan Galeri Islam Nusantara UiTM Cawangan Sarawak dalam memelihara ilmu serta sejarah di Wilayah Nusantara. Kajian deskriptif ialah kajian yang direka untuk menerangkan taburan satu atau lebih pembolehubah, tanpa mengambil kira sebarang sebab atau hipotesis lain (Aggarwal, R., & Ranganathan, P., 2019). Kajian ini dijalankan dengan menggunakan borang soal selidik (Google Form) sebagai instrument kepada 62 orang responden yang telah berkunjung ke galeri ini bersempena Program Sarawak Ibu Pertiwiku dan Majlis Menandatangani Memorandum Kerjasama (MoC) di antara Perpustakaan Tun Abdul Razak (PTAR) UiTM dan Pustaka Negeri Sarawak. Secara keseluruhan, kod QR telah digunakan sebagai platform inisiatif untuk menjalankan dan memantau tinjauan dengan cekap.

## 3. Dapatan dan Analisis Kajian

Hasil kajian mendapati sokongan yang jelas untuk mengenal pasti dan mengukur keberkesanan Galeri Islam Nusantara UiTM Cawangan Sarawak dalam memelihara ilmu serta sejarah di Wilayah Nusantara. Soal selidik dibina berdasarkan maklum balasa daripada soalan dan jawapan dikira yang mana carta pai di bawah menggambarkan hasilnya. Analisis data dikumpul menggunakan *Google Sheet* dan *Microsoft Excel*.

**Adakah bahan-bahan yang dipamerkan mengandungi maklumat yang memberi impak dan ilmu yang bermanfaat kepada Masyarakat?**




Rajah 1: Maklum balas terhadap bahan-bahan yang dipamerkan di Galeri Islam Nusantara UiTM Cawangan Sarawak



Galeri Islam Nusantara yang mengandungi ilmu Sejarah mengenai wilayah Nusantara menunjukkan bahawa galeri ini boleh menarik minat pengunjung yang berada di Sabah dan juga Indonesia. Dalam meniti arus kemodenan ini, UiTM juga tidak ketinggalan untuk menghasilkan Galeri Maya dimana bertujuan untuk memudahkan Masyarakat yang tidak dapat berkunjung secara fizikal ke Galeri, boleh mengakses dengan mudah menggunakan telefon bimbit dan sebagainya. Sehubungan dengan itu, pihak UiTM memastikan bahawa bahan-bahan yang terdapat pada galeri ini mengandungi maklumat yang berguna dan mendatangkan impak yang positif kepada Masyarakat. Ilmu dan Sejarah Nusantara ini mengandungi pelbagai ilmu yang menarik seperti salasilah Sarawak, koleksi- koleksi Al-Quran malah juga terdapat replika makam Wali Songo. Oleh hal yang demikian, hasil tinjauan mendapati majoriti responden (82%) menjawab pada skala 4 iaitu ‘Amat Baik’.

**Adakah bahan fizikal yang tersedia seperti koleksi-koleksi Al-Quran dan kitab membantu dalam memelihara dan memberikan pendedahan yang lebih meluas kepada Masyarakat?**



Rajah 2: Maklum balas terhadap keberkesanan bahan fizikal yang disediakan

Umum mengetahui bahawa Al-Quran dan kitab merupakan wahyu Allah SWT yang menjadi pedoman dalam menempuh kehidupan setiap manusia. Rentetan daripada itu, pengunjung juga berkesempatan untuk melihat keunikan Al-Quran dan kitab yang terdapat di Galeri Islam Nusantara. Hal ini demikian kerana ianya merupakan hasil tulisan tangan koleksi peribadi salah seorang penyelidik Wali Songo Cawangan Sarawak iaitu Prof. Madya Dr. Abdul Razak Abdul Kadir. Tidak dapat dinafikan, koleksi tersebut adalah sebuah karya yang sangat bermakna dan merupakan salah satu usaha pihak UiTM juga untuk memberikan pendedahan kepada Masyarakat. Dengan ini, hasil tinjauan menunjukkan sebilangan besar jumlah responden (75%) menjawab ‘Amat Baik’. Ini membuktikan bahawa koleksi-koleksi tersebut sememangnya membantu dalam memelihara dan memberikan pendedahan yang lebih meluas kepada Masyarakat.

**Bahagian manakah yang paling menarik minat dan memberi kesan kepada anda?**



Rajah 3: Maklum balas terhadap bahagian-bahagian pameran



Selari dengan perkembangan teknologi yang semakin pesat pada masa kini, ianya agak sukar bagi menarik minat Masyarakat untuk berkunjung ke galeri seperti ini kerana terdapat hiburan lain yang lebih mendapat perhatian Masyarakat. Namun begitu, dengan adanya kepelbagaian yang ditampilkan oleh pihak UiTM Cawangan Sarawak dapat membuka mata dan menarik minat sejumlah besar Masyarakat di Malaysia terutama sekali yang datang daripada wilayah Nusantara. Antara bahagian yang terdapat di dalam galeri ini adalah Kerajaan Kesultanan Islam di Nusantara, Salasilah Nabi Muhammad S.A.W, Lima Kerajaan yang Hilang dan Salasilah Sarawak. Hasil tinjauan mendapati bahawa bahagian Salasilah Sarawak mendapat perhatian majoriti responden iaitu sebanyak 32%. Sebagai contoh, Salasilah Sarawak mengandungi susun jalur bangsa Abang, Awang dan Dayang. Oleh hal yang demikian, tidak dapat dinafikan pengunjung yang berkunjung ke galeri adalah kebanyakan terdiri daripada Masyarakat Sarawak menyebabkan Salasilah Sarawak menjadi pilihan utama.

**Adakah galeri ini menarik minat anda dengan lebih mendalam terhadap ilmu dan Sejarah di Wilayah Nusantara?**




Rajah 4: Maklum balas terhadap keberkesanan galeri ini terhadap responden

Seperti semua sedia maklum, kebanyakan masyarakat kurang pendedahan terhadap ilmu dan sejarah di Wilayah Nusantara oleh kerana faktor penggunaan medium yang kurang menarik. Misalnya, sesetengah individu yang ingin mendalami ilmu dan Sejarah ini hanya boleh melayari laman sesawang yang tertentu dan pada akhirnya majoriti Masyarakat yang lain tidak mengendahkan ilmu ini kerana pendedahannya yang kurang meluas. Oleh itu, Universiti Teknologi Mara Cawangan Sarawak menubuhkan Galeri Islam Nusantara ini bagi menarik minat dan mempupuk semangat ingin tahu dalam diri Masyarakat. Tambahan pula, ianya ditubuhkan di kawasan yang strategik dan kondusif iaitu perpustakaan, dimana ianya menjadi tempat kunjungan semua pelajar dan juga pelawat- pelawat. Kebanyakan pelajar, pensyarah mahupun pelawat yang berada di perpustakaan tidak akan teragak-agak untuk berkunjung ke Galeri oleh kerana ilmu dan Sejarah di Wilayah Nusantara ini jarang untuk dijumpai dan merupakan sesuatu ilmu yang menarik bagi pengunjung. Oleh hal yang demikian, hasil tinjauan yang dilakukan mendapati sebanyak 79% responden menjawab ‘Ya’ manakala 21% menjawab ‘Tidak’. Ini membuktikan bahawa majoriti responden yang telah berkunjung bersetuju bahawa Galeri Islam Nusantara ini sememangnya menarik minat mereka dengan lebih mendalam terhadap ilmu dan Sejarah di Wilayah Nusantara.



### Adakah anda bercadang untuk mengesyorkan mengenai galeri ini kepada orang terdekat?



Rajah 5: Maklum balas terhadap cadangan responden dalam mengesyorkan galeri ini kepada orang terdekat

Memang pada dasarnya, pengunjung yang sedia ada terdiri daripada pelajar dan juga staf akademik mahupun staf pentadbiran sudah menyumbang jumlah yang banyak untuk meneroka dan mendalami ilmu dan Sejarah Islam Nusantara yang terdapat di Galeri ini. Walau bagaimanapun, berbalik kepada objektif utama penubuhan galeri ini adalah untuk menjadi pusat rujukan utama mengenai perkembangan Islam di Borneo menunjukkan bahawa amat digalakkan bagi pengunjung mengesyorkan mengenai galeri ini kepada rakan-rakan, keluarga atau kenalan terdekat. Hal ini bertujuan untuk memastikan Masyarakat terutama generasi muda pada masa kini lebih terdedah dengan ilmu dan Sejarah borneo supaya tidak hilang ditelan zaman. Di samping itu, pihak UiTM Cawangan Sarawak juga menyediakan bahan-bahan koleksi pameran yang menarik, malah sukar didapati. Ini adalah salah satu inisiatif yang sangat bermanfaat serta dijamin dapat menakjubkan setiap pengunjung yang hadir. Oleh itu, alangkah baiknya jika hasil pameran yang berharga seperti ini disyorkan kepada individu lain untuk membuka mata masyarakat dengan lebih meluas mengenai indahnya ilmu dan Sejarah Islam Nusantara. Dengan ini, hasil tinjauan menunjukkan sebanyak 88% menjawab 'Ya' dan 12% menjawab 'Tidak'. Ini membuktikan bahawa majoriti responden bersetuju untuk mengesyorkan galeri ini kepada orang terdekat.

#### 4. Rumusan

Kesimpulannya, sumbangan daripada hasil kajian ini membuktikan Galeri Islam Nusantara UiTM Cawangan Sarawak ini mampu memberi impak yang positif dalam meluaskan dan memelihara ilmu serta sejarah yang menarik terdapat di wilayah nusantara. Walaupun di duga dengan transformasi maklumat yang semakin canggih pada masa kini, galeri ini juga tampil dengan inisiatif iaitu galeri maya yang mampu memberi peluang kepada Masyarakat di luar yang menghadapi kesukaran untuk berkunjung secara fizikal. Pada masa hadapan, kajian lanjut boleh dijalankan secara lebih besar agar penambahbaikan terhadap khazanah-khazanah hebat ini dapat dikekalkan sekaligus memberi lebih banyak manfaat kepada masyarakat di Wilayah Nusantara khususnya. Justeru, hasrat UiTM Cawangan Sarawak untuk menjadikan galeri ini sebagai pusat rujukan utama kepada perkembangan Islam di Borneo bukanlah mudah seperti memburu di padang yang datar. Namun, jika semua berganding bahu, saling bekerjasama bantu membantu, ibarat ke bukit sama didaki, ke lurah sama dituruni, tiada yang mustahil untuk capai hasrat yang murni ini.

#### Rujukan

- Abdulrahman. (n.d.). Artifak Kajian Wali Songo di Galeri Islam Nusantara UiTM Sarawak – Malaysiaaktif. <https://malaysiaaktif.my/2019/05/artifak-kajian-wali-songo-di-gelari-islam-nusantara-uitm-sarawak/>
- Abd Jalal, A. F., Rahim, R. A. A., Alias, A. W., & Kahal, S. M. (2022). Artifak Muzium Sebagai Cermin Kepada World-View Melayu: Kajian Di Muzium Abu Bakar Pekan Pahang (Museum Artifacts As A Mirror To The Malay World-View: Study At Abu Bakar Museum, Pahang Town). *Jurnal Arkeologi Malaysia*, 35(2).
- Aggarwal, R., & Ranganathan, P. (2019). Study designs: Part 2 – Descriptive studies. *Perspectives in Clinical Research*, 10(1), 34. <https://doi.org/10.4103/picr.picr.154.18>
- Ayuningtias, G., Ernawati, A., & Ismail, I. (2019). Pusat Kebudayaan Islam Nusantara Dengan Perndekatan Culture Diversity. In *Seminar Nasional Komunitas dan Kota Berkelanjutan* (Vol. 1, No. 1, pp. 381-389).



- 
- Fauziah, Z., Badi'Rahmawati, U., & Pratama, A. (2022). Pengembangan Aplikasi Media Pembelajaran Sejarah Kebudayaan Islam Berbasis Android di Madrasah Tsanawiyah. *Scaffolding: Jurnal Pendidikan Islam dan Multikulturalisme*, 4(2), 333-341.
- Harun, M., Lubis, M. B., & Abdul, A. H. (2016). SEJARAH PENULISAN MUSHAF AL-QURAN NUSANTARA: Satu Kajian Perbandingan Antara Mushaf Istiqlal Indonesia dengan Mushaf Tab'an Ain al-Taqwa Malaysia. In *Dalam Seminar Antarabangsa Memartabatkan Bahasa Melayu ASEAN ke-3* (p. 35).
- McKinney, L. (n.d.). Perbezaan Antara Penyelidikan Deskriptif dan Eksperimental - Perbezaan Antara - 2023. *Strephonsays*. <https://ms.strephonsays.com/difference-between-descriptive-and-experimental-research>
- Mohd Desa, Z. B., Omar, A. S. B., & Singh, K. (2022). Kepercayaan dan Keyakinan Rakyat dalam Pemeraksanaan Urus Tadbir Kerajaan Negeri Sarawak: Analisis dari Perspektif Rakyat. *Proceedings Borneo Islamic International Conference*, 13, 215–217. <https://majmuah.com/journal/index.php/kaib1/article/view/286/150>
- Mukhlizar, M., & Lestari, C. (2023). Analisis Program Galeri Budaya Nusantara (GAYARA) Radio Republik Indonesia dalam Meningkatkan Pemahaman Masyarakat terhadap Budaya Nasional. *Kaganga: Jurnal Pendidikan Sejarah dan Riset Sosial Humaniora*, 6(1), 25-30.
- PTAR Production. (2021, April 20). Galeri Islam Nusantara UITM Cawangan Sarawak [Video]. YouTube. <https://www.youtube.com/watch?v=uR23uki6-5Q>